

## **UPACARA PEMBUKAAN RASMI NESTLE FOODS CHEMBONG**

CHEMBONG, NEGERI SEMBILAN, 10 DISEMBER 1994

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Nestle Malaysia Berhad kerana menjemput saya untuk merasmikan pelancaran kilang Nestle Foods Chembong pada hari ini. Pelancaran kilang ini adalah unik, kerana ia mencerminkan kerjasama yang rapat dan persefahaman yang erat antara enam negara anggota ASEAN. Ini ialah kerana projek ini adalah hasil usahasama program industri ASEAN ataupun ASEAN Industrial Joint Venture (AIJV) Programme.

2. Program AIJV ini merupakan satu pencapaian wawasan ASEAN untuk mempertingkatkan kerjasama ekonomi dan membolehkan negara-negara anggota menjadi lebih kompetitif di dalam perdagangan dunia.

3. Dalam konteks ini, sukalah saya mengucapkan tahniah kepada Nestle, yang merupakan antara syarikat pemakanan terbesar di dunia, kerana dayausahnya mendirikan lima pusat pembuatan khusus yang dianggarkan menelan belanja sebanyak RM275 juta bagi berbagai-bagai barangan makanan di beberapa negara ASEAN.

4. Saya difahamkan bahawa projek ini merupakan dayausaha Nestle S.A. Switzerland yang terulung yang melibatkan pemindahan teknologi milik Nestle kepada rakyat negara-negara ASEAN.

5. Kerajaan-kerajaan ASEAN, melalui Jawatankuasa Industri, Galian dan Tenaga atau 'Committee on Industry, Minerals and Energy (COIME)' telah meluluskan projek tersebut dalam bulan September 1991, meskipun wujud dasar fiskal dan perdagangan yang beragam di kalangan negara-negara anggota ASEAN. Jelaslah faedah daripada usahasama serantau seperti ini adalah lebih besar manfaatnya daripada kepentingan kedaerahan atau 'parochial'. Dengan adanya asas pasaran yang meluas dan kukuh yang meliputi 300 juta penduduk ASEAN, kelima-lima kemudahan perkilangan yang khusus itu akan mencapai 'economies of scale' yang diperlukan untuk mengeluarkan barangan-barangan tersebut secara kos efektif.

6. Malaysia dan semua negara anggota ASEAN kini sedang menikmati penjimatan tukaran asing yang besar kerana barangan tersiap yang dahulunya diimport sekarang boleh dibekalkan melalui saluran tempatan dalam ASEAN.

7. Saya gembira melihat kemudahan perkilangan yang begitu besar dilengkapi dengan teknologi terkini. Kilang ini pula telah dapat disiapkan dalam tempoh kurang daripada 18 bulan daripada tarikh pecah tanah.

8. Ini menggambarkan kejayaan Kerajaan Negeri Sembilan menyediakan infrastruktur moden yang perlu bagi menarik minat dan keyakinan sebuah syarikat 'multinational' dan pengeluar barangan makanan antara yang terkemuka di dunia seperti Nestle, untuk mendirikan kilang AIJV di Chembong ini.

9. Saya diberitahu bahawa teknologi terkini ataupun 'state-of-the-art technology' telah dibawa masuk ke Chembong ini untuk mengeluarkan Kit-Kat dan Smarties yang dahulunya diimport dari United Kingdom dan Australia.

10. Penggunaan automasi hendaklah digalakkan lagi ketika Malaysia berusaha ke arah mencapai teknologi yang lebih tinggi. Saya juga diberitahu bahawa kakitangan di kilang ini telah diambil bekerja dari kawasan-kawasan yang berhampiran, di samping di beri latihan dalam peralatan terkini yang hi-tech, canggih dan berkomputer. Daya pengeluaran atau tahap produktiviti mereka serta mutu pengeluaran barangan, adalah sejajar dengan tahap kilang-kilang Nestle di merata dunia.

11. Ini sekali lagi membuktikan bahawa Malaysia boleh dan mampu mengusahakan sesuatu jika rakyatnya diberi pilihan dan sanggup berusaha dengan lebih gigih serta sanggup menerima dan mempelajari teknologi baru dan moden. Para pekerja Malaysia harus sedar bahawa kunci utama ke arah kemajuan yang lebih pesat ialah penggunaan teknologi yang termoden dan canggih. Justeru itu, kita harus berani dan sanggup mempelajari teknologi terkini yang ada pada hari ini. Mereka yang tidak sanggup akhirnya akan tidak mampu bersaing, yang mana ini akan merugikan pengusaha dan menyebabkan pekerja menganggur.

12. Di samping kita mengalu-alukan dan menghargai teknologi tinggi dan moden yang telah di bawa masuk ke negara ini, kita tidak seharusnya pula melupakan ikhtiar para pembekal barangan utama yang telah berusaha sedaya upaya untuk mempertingkatkan lagi mutu bahan mentah mereka dengan kerjasama para pengguna.

13. Dalam hubungan ini, saya mengucapkan tahniah kepada Nestle dan Golden Hope kerana usaha mereka dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan atau R & D untuk mengeluarkan biji koko yang setanding atau mampu bersaing dengan biji-biji koko yang terbaik dari negara-negara yang lain. Dalam hal ini, sukalah saya tegaskan betapa pentingnya R & D dalam meningkatkan daya saing barangan keluaran negara. Walaupun R & D memerlukan wang yang banyak bagi membolehkan kegiatan penyelidikan yang bermakna dijalankan, kita tidak harus melihatnya sebagai satu kegiatan yang tidak jelas dan tepat sumbangannya kepada perniagaan. R & D harus dilihat daripada segi jangka panjang. Kebanyakan syarikat besar yang mampu bersaing di pasaran dunia pada hari ini ialah kerana mereka memberi perhatian berat kepada R & D. Justeru itu, saya berharap syarikat-syarikat

negara ini akan memberi perhatian yang lebih serius terhadap R & D. Anggaplah R & D sebagai pelaburan biasa dan termesti yang akan menguntungkan daripada segi jangka panjang.

14. Nestle memulakan operasinya di negeri ini dalam tahun 1912 dan sejak itu telah maju bersama-sama dengan pembangunan negara. Ia terus membuat pelaburan demi pelaburan bagi meluaskan kemampuan perkilangan, dan dalam proses tersebut, telah melakukan pemindahan teknologi.

15. Malaysia sudah menjadi pasaran yang penting untuk masa kini dan masa depan. Walaupun bilangan penduduk tidak begitu ramai, tetapi pendapatan per kapita dan daya beli mereka adalah tinggi. Malaysia mampu menjadi 'base market' kepada kebanyakan perusahaan yang perlu kepada 'economies of scale'.

16. Walau bagaimanapun, kejayaan Nestle adalah juga hasil falsafah Syarikat dan dasarnya yang bijak dan berpandangan jauh. Nestle, saya difahamkan, percaya penuh kepada 'decentralisation', menghormati dan menghargai cita rasa dan tuntutan tempatan di samping sentiasa berusaha mencapai kecemerlangan. Seperti juga Nestle, kebimbangan kita ialah sikap terlalu berpuashati atau 'complacency' yang biasanya menghancurkan pihak-pihak yang kaya dan yang sudah berjaya.

17. Kita telah melihat banyak contoh pertubuhan-pertubuhan dan negara-negara yang telah menderita akibat sikap 'complacent' ini. Saya sukacita mendengar Nestle sentiasa sedar akan bahaya 'complacency' yang sangat besar mudaratnya yang boleh meruntuhkan segala apa yang telah kita bina selama ini.

18. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Nestle, Kerajaan Negeri Sembilan, semua agensi yang berkenaan dan negara-negara anggota ASEAN atas kejayaan melaksanakan projek makanan AIJV yang pertama ini.

19. Dengan ini, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan Nestle Foods Chembong dibuka dengan rasminya.